

26/02/1997

Gejala sosial bukan soal agama semata-mata

DALAM Ramadan lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menimbulkan persoalan yang begitu penting bagi orang Melayu dan patut diambil berat. Merujuk kepada peratusan tinggi gejala sosial di kalangan orang Melayu berbanding kaum lain, Perdana Menteri kesal ada sesetengah pihak menuduh pembangunan pesat negara menjadi penyebabnya.

Tidak syak lagi gejala sosial itu lebih banyak berlaku di kalangan orang Melayu beragama Islam, mengikut peratusan yang disebut oleh Dr Mahathir. Penagihan dadah, inses, mendera isteri dan anak, membuang bayi dan pelbagai yang dilaporkan media massa memang berlaku, kebanyakannya di kalangan orang Melayu. Benar kaum lain juga terbabit dalam gejala ini, tetapi yang dilaporkan tidak banyak.

Jika biasanya gejala sosial itu berlaku di kalangan golongan bawahan, Dr Mahathir pernah juga menyebut gejala yang sama membabitkan kelas atasan, termasuk rasuah, politik wang, materialisme berlebihan dan remaja punk. Faktor kedudukan sosial atau kelas ini jelas, jika mengikut apa yang disiarkan oleh media dan jenis gejala yang dilakukan juga nampaknya berbeza.

Pada lahirnya gejala itu sama saja. Ia dilakukan tanpa mengikut darjah atau kelas. Perbuatan rasuah boleh dilakukan oleh peon atau tauke besar, dan kes khalwat atau pelacuran bukan saja dilakukan oleh buruh di gobok setingan tetapi juga oleh pegawai tinggi dan ahli korporat di hotel mewah atau di luar negara.

Namun persoalan yang lebih besar seperti yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir ialah kenapa orang Melayu tidak dapat menangani gejala itu dalam perubahan sosioekonomi negara, sementara kaum lain tidak mengalaminya. Walaupun jawapan dikemukakan oleh Dr Mahathir seperti yang dilaporkan menolak kemajuan sosioekonomi sebagai faktor penyebab dan menyarankan kita melihat ke dalam diri sendiri untuk mencari kelemahan dalaman namun kita tidak boleh mengetepikan faktor itu mempunyai fungsinya tersendiri.

Kemajuan pesat sosioekonomi negara membawa perubahan sosiobudaya. Walaupun ini tidak menjadi penyebab utama gejala sosial masyarakat ia tetap berfungsi menimbulkannya. Begitu juga kelemahan mekanisme pertahanan diri yang disebut oleh Dr Mahathir, ia juga menyumbang ke arah itu. Sementara waktu, faktor sosiobudaya yang kita anggap selama ini sebagai benteng menangkis pengaruh buruk berkemungkinan ikut menyumbang.

Setakat ini, apa yang dilahirkan oleh pelbagai pihak yang menyentuh persoalan yang sama, seperti Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, menteri yang mengawasi hal-ehwal agama dan tokoh politik lain berdasarkan interpretasi mereka daripada statistik dan data yang terkumpul. Yang belum kita dengar ialah hasil penyelidikan yang dijalankan oleh ahli sains sosial yang bertaburan di universiti tempatan.

Mungkin yang diselidiki oleh ahli sains sosial lebih bersifat mikro dan menjurus kepada persoalan tertentu terhadap satu gejala sosial itu. Pandangan daripada pemimpin politik pula adalah lebih umum dan menyeluruh. Walau dari mana sudut pun, persoalan seperti yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir adalah gejala sosial yang melanda masyarakat Melayu dan memerlukan kajian dalam pelbagai aspek. Sementara menunggu hasil kajian yang serius lagi teliti daripada ahli sains sosial kita, pengamatan juga boleh membantu sedikit sebanyak.

Dr Abdul Hamid Othman misalnya dilaporkan mengaitkan persoalan ini dengan pendidikan agama. Bahkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gejala

Sosial memutuskan supaya kurikulum dan pendekatan pendidikan agama dirombak untuk meningkatkan ketahanan generasi muda bagi menangani budaya negatif. Ini tentunya berkaitan dengan gejala seperti pengaruh budaya kuning dari luar melalui dasar langit terbuka di negara kita di samping apa yang melanda seperti penagihan dadah dan lain-lain.

Agama Islam sebagai landasan kepada budaya Melayu sejak dulu dianggap benteng pertahanan terhadap pengaruh negatif dari luar. Sejak pertembungan dengan dunia Barat 500 tahun dulu, Islamlah benteng yang mengekalkan keutuhan budaya Melayu sehingga abad ini. Menjelang abad ke-21, cabarannya lebih hebat dan bahangnya kita saksikan pada kenyataan Dr Mahathir dan pemimpin lain itu.

Pengamatan saya, kedudukan agama memang penting, tetapi banyak aspek selain daripada pendidikan dan dakwah agama yang patut diberi perhatian. Dr Mahathir membandingkan gejala buruk itu dengan yang berlaku di kalangan kaum lain di Malaysia. Begitu juga jika kita bandingkan kaum lain dari segi agama: Institusi agama, pendidikan dan dakwah. Dalam aspek ini, Islam jauh berganda lebih intensif di kalangan orang Melayu di negara ini.

Kelas agama di sekolah awam, sekolah khusus yang memakai label agama, kolej agama, universiti agama, khutbah Jumaat saban minggu, program TV dan radio serta ruangan akhbar, kegiatan agama di masjid dan surau, penguatkuasaan agama, persatuan atas nama agama, pejabat dan majlis agama, klinik dan hospital agama dan ada menteri yang mengawasi hal-ehwal agama, menunjukkan lebih banyak institusi sosial agama Islam berbanding kaum lain.

Tetapi kenapakah, seperti kata Dr Mahathir, orang Islam yang lebih banyak menunjukkan gejala buruk berbanding kaum lain? Jika mengikut logik, tentulah masyarakat kita lebih kukuh dan mantap dengan adanya peraturan yang tersusun itu. Kita tidak boleh nafikan banyak kebaikan dan kemantapan masyarakat Melayu dapat mempertahankan keutuhannya selama ini, walaupun kuasa pada tangan orang lain seperti waktu zaman kolonial dulu.

Pembangunan sosioekonomi yang pesat tetap satu cabaran untuk ditangani dengan tepat. Gejala seperti bersekedudukan, membuang bayi, penderaan isteri dan anak, atau merogol anak sendiri menjadi persoalan sosial apabila ia tidak lagi jadi penyimpangan pelakuan individu, ataupun apabila dicituskan oleh keadaan sosial sekitar. Keterbukaan masyarakat dengan pengawasan sosial seperti dilakukan oleh ibu bapa atau institusi komuniti seperti dalam masyarakat tradisi tani tidak wujud lagi tentunya menimbulkan pola pelakuan yang berlainan.

Di kalangan masyarakat Melayu, pengawasan sosial dilakukan secara dalaman dan luaran oleh agama. Secara dalaman didikan agama dan kesedaran mengenai kehadiran yang Maha Esa sentiasa dititikberatkan, sementara luaran adalah pejabat agama, pegawai mencegah maksiat dan mahkamah syariah. Seperti juga orang Melayu di negara ini tertakluk kepada undang-undang yang lebih daripada warga negara lain kerana ia tertakluk bukan saja kepada undang-undang sivil, tetapi undang-undang syariah, begitulah juga tekanan ke atas mereka yang terlanjur melanggar batas yang ditetapkan.

Melahirkan anak luar nikah memang sesuatu yang menyalahi peraturan setiap kaum di Malaysia, tetapi tekanan yang dihadapi oleh orang Melayu lebih berat. Jika malu kepada keluarga dan masyarakat dapat disembunyikan, rasa berdosa pada Tuhan menimbulkan gelisah dalam diri dapat ditenteramkan, tetapi berhadapan dengan undang-undang syariah dan pegawai pencegah maksiat adalah tekanan paling merunsingkan.

Sebab itu mungkin mereka yang terjebak dalam keadaan itu memilih jalan keluar mudah dengan membuang bayi yang tidak berdosa itu. Maka apabila terbongkar perbuatan itu ia menjadi satu lagi statistik gejala sosial buruk dalam masyarakat Melayu. Jika tertangkap mereka yang melakukannya,

hukuman tetap akan dikenakan mengikut undang-undang.

Oleh kerana masyarakat berlandaskan agama Islam dan dari segi pelaksanaan sosiobudaya berpandukan etos Islam, tidak hairan jika pemimpin politik mencari penyelesaian melalui saluran agama. Setakat ini, begitulah gambaran yang kita lihat melalui media massa.

Memang tidak dinafikan agama anak kunci utama, tetapi kita masih lagi dihantui persoalan kenapa dengan `intensity' yang begitu hebat kehadiran pelbagai aspek agama di kalangan kita, gejala sosial masih tinggi peratusannya di kalangan orang Melayu? Jelas dalam kita berjaya meningkatkan kehadiran unsur Islam, seperti sistem kewangan atau perbankan Islam, memerangi ajaran sesat, ataupun menyepadukan pentadbiran negeri, kita tidak dapat menangani gejala sosial.

Pada hemat saya kita tidak akan berjaya jika cuba menyelesaikannya dengan satu pendekatan saja. Tambahan lagi jika pendekatan itu lahir daripada tafsiran yang tidak berlandaskan penyelidikan yang jitu.

Selain ahli agama, kita patut minta ahli sains sosial di universiti menjalankan penyelidikan serta memberi buah fikiran dan pandangan mereka, kerana walaupun agama ada kaitannya, namun gejala buruk itu lebih berbentuk fenomena sosiobudaya. Sekurang-kurangnya mereka akan berasa dihargai di universiti.

(END)